

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/1992

Mac/April 1992

BST 424/3: EKOLOGI & PENGURUSAN HIDUPAN LIAR

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BST 424/3)

1. Tuliskan nota ringkas tentang tajuk-tajuk berikut:

- (a) Pergerakan hidupan liar
- (b) Tegasan atau stress terhadap hidupan liar
- (c) Kepadatan subsisten

(20 markah)

2. (a) Jelaskan persamaan logistik di bawah yang telah diutarakan oleh Gause serta lakarkan lengkung bagi persamaan ini.

$$\frac{\Delta N}{\Delta t} = rN \left(\frac{K - N}{K} \right)$$

(b) Rumusan di bawah berkait rapat dengan pemupusan. Jelaskan dengan terperinci, faktor yang akan menyebabkan nilai

$$N = (B + I - D - E)$$

N menunjukkan negatif

N = perubahan populasi

B = kelahiran

I = penghijarahan ke dalam

D = Kematian

E = Penghijarah keluar

(20 markah)

...3/-

(BST 424/3)

3. Banyak faktor yang mempengaruhi kemampuan membawa sesuatu kawasan. Salah satu faktor ini ialah makanan. Bincangkan tentang faktor ini yang akan mempengaruhi hidupan liar.

(20 markah)

4. Senaraikan serta terangkan pengelasan-pengelasan bagi kawasan yang diperlindungi yang telah ditubuhkan oleh International Union of Conservation of Nature and Natural Resources (IUCN).

(20 markah)

5. Beberapa spesies haiwan vertebrat sudah dikenalpastikan sebagai haiwan perosak di Malaysia. Bincangkan bagaimana haiwan ini diletakkan sebagai haiwan perosak dan usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurus haiwan tersebut.

(20 markah)

6. Bincangkan tentang status dan langkah-langkah pemuliharaan yang telah dijalankan untuk menyelamatkan haiwan berikut dari pupus. Pilih hanya dua haiwan sahaja.

- (a) Seladang (*Bos gaurus*)
- (b) Tuntung (*Batagur baska*)
- (c) Rusa (*Cervus unicolor*)
- (d) Badak (*Didermocerus sumatrensis*)

(20 markah)